-

ISI KANDUNGAN

I Pengarah & T. Pengarah
II Kalender Jabatan
V Prakata
VI Makna Logo
VII Visi & Misi
VIII Profail Jabatan
XIII Struktur Organisasi
XIV Pelan Lokasi KPA

2 Status Industri
5 Prestasi Industri Ternakan
- Lembu Pedaging/Kerbau
- Ayam/Itik
- Kambing/Bebiri
- Lembu Tenusu
- Rusa
- Burung Unta
- Pemprosesan & Industri Hiliran

10 Kewangan dan Pentadbiran
- Prestasi Kewangan
- Carta Organisasi
- Perjawatan
- Pergerakan Kakitangan

17 Pembangunan Sumber Manusia
- Lathan & Kursus
- Perkhidmatan Pengembangan

20 Pembangunan Penternakan Ladang-Ladang Jabatan
- Ladang Ruminan Besar
- Ladang Ruminan Kecil
- Kilang Makanan Ternakan

22 Perkhidmatan Veterinar
- Rawatan Ternakan
- Perkhidmatan Pembedahan
- Kawalan Penyakit
- Kesihatan Awam Veterinar
- Kawalan Import & Eksport
- Perkhidmatan Kesihatan Gerompok
- Perkhidmatan Penyiasatan Penyakit
- Kawalan Penvembelihan

40 Status Kesihatan

43 PROJEK SOSIALEKONOMI
- Projek Pembangunan Padang Ragut
- Projek Ternakan Pekebun Kecil
- Skim Pawah Kambing
- Pengagihan Anak Itik Percuma
- Projek Lembu Tenusu
- Projek Rusa

LAPORAN TAHUNAN

2004

Hj. Ag. Sahak Pg. Hj. Salleh
Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Haiwan
Dan Perusahaan Ternak Sabah

En. Petrus L. Yong
Timbalan Pengarah
Pengeluaran & Penyelidikan

Dr. Yeo Boon Kiat
Timbalan Pengarah
Perancangan & Pembangunan
Sumber Manusia

Dr. Nasip Eli
Timbalan Pengarah
Kesihatan Veterinar
Pembangunan Daerah

Towards Ecellent !

Ke Arah Kecemerlangan !

Kalender JPHPT 2004

JANUARI 2004

FEBRUARI 2004 >
Mesyuarat Menghadapi Wabak Penyakit Flu Unggas dan Strategi Bersama Malaysia, Brunei Darulssalam dan Indonesia

MAC 2004 >
Pejabat Baru JPHPT di Aras 3, Blok B Wisma Pertanian Sabah

< APRIL 2004 >
Ibu Pejabat JPHPT telah berpindah ke pejabat barunya di Aras 3 Blok B Wisma Pertanian Sabah Jalan Tasek Luyang

Kalender JPHPT 2004

MEI 2004 >
Pengisytiharan Sabah bebas daripada penyakit berjangkit Kaki dan Mulut oleh OIE di Paris

JUN 2004 >
Upacara menandatangan MOU pembekalan makanan ternakan.

< JULAI 2004
Ketibaan sebanyak 413 ekor lembu baka Frisien Shahiwal dari New Zealand

< OGOS 2004
Perasmian Hari Terbuka JPHPT di SPT Sebrang Keningau oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah

Kalender JPHPT 2004

< SEPTEMBER 2004
Gerai HPPNS JPHPT 2004

Lawatan Menteri Pertanian & Industri Makanan ke salah sebuah ladang ayam di sekitar daerah Papar semasa langkah mengawasi jangkitan wabak HPAI

v

< OKTOBER 2004
Penyertaan JPHPT dalam gerai Kerajaan Negeri Sabah sempena MAHA 2004 di Mines Resort City Kuala Lumpur

NOVEMBER 2004 >
Malam Jasamu dikenang bersama Menteri Pertanian dan Industri Makanan sempena Mesyuarat Tahunan JPHPT Siri 2. 2004

< DISEMBER 2004
Penganugrahan Kualiti sempena sambutan Hari Q Perkhidmatan Awam peringkat Negeri Sabah.

PRAKATA

Ekonomi Malaysia mencatatkan 8% pertumbuhan dalam pertengahan tahun pertama serta 6.8% dalam suku tahun ketiga, ekonomi negara dijangka menjangkau pertumbuhan 7% dalam tahun 2004. Walaupun perkembangan keadaan dunia luar begitu mencabar dengan melambongnya harga minyak dunia dalam suku tahun ketiga 2004. Sokongan kukuh dari pengeksportan dan permintaan domestik yang berterusan telah menyumbang kepada preatasi yang memerangsangkan ini.

Impak bencana Tsunami ke atas ekonomi dijangka tidak ketara, ekonomi Negara dijangka akan terus membingkas walaupun pertumbuhan ekonomi dunia adalah sederhana disebabkan oleh harga minyak dunia melambong, tekanan inflasi.

Prospek sector penternak kekal positif dengan permintaan sumber protein berdasarkan daging kian meningkat maupun dalam pasaran tempatan ataupun di pasaran serantau oleh peningkatan taraf hidup semasa.

Pengiktirafan status bebas dari FMD oleh OIE serta beberapa penyakit berbahaya terhadap industri ternakan merupakan suatu kelebihan bagi produk-produk keluaran ternakan dapat penerimaan di rantau ini bahkan antarabangsa. Negeri Sabah mengeksport RM8.41 juta daging ayam dan RM2.012 juta telur dalam tahun 2004 dan dijangka akan terus meningkat pada tahun mendatang kerana kecekapan dan persaingan yang sihat di kalangan pengusaha yang menggunakan teknologi moden.

Integrasi penternakan lembu pedaging dengan ladang-ladang kelapa sawit juga giat dipromosikan bagi memaksimakan penggunaan sumber tanah dalam mepertingkatkan pengeluaran sector ini untuk mencapai tahap saradiri yang masih juah ketinggalan jika dibanding dengan sektor ayam dan babi.

Secara keseluruhan, prestasi industri penternakan lebih baik berbanding dengan tahun 2003. Catatan pencapaian hasil pengeluaran pada tahun ini ialah sebanyak RM568.82 juta berbanding dengan RM476.41 juta pada tahun 2003.

Pencegahan ancaman penyakit dan mengoptimakan produktiviti merupakan tugasan dan tanggungjawab yang perlu dipikul bersama-sama oleh warga JPHPT Sabah, para penternak dan pengusaha ladang-ladang komersial ke arah meningkatkan pengeluaran makanan untuk memenuhi permintaan tempatan dan juga untuk dieksport.

AWANG SAHAK HAJI AWANG SALLEH
Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan
Dan Perusahaan Ternak
Negeri Sabah

LOGO JPHPT

Logo Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Sabah Menggambarkan :-

Bentuk Bujur : Menggambarkan simbol benih lembaga di mana semua hidupan bermula untuk pertumbuhan dan perkembangan.

Kepala Kerbau : Mewakili semua jenis ternakan di Sabah. Kerbau dipilih oleh kerana ia mempunyai kepentingan sejarah dan kebudayaan sebagai binatang buruh dan daging untuk rakyat negeri Sabah.

Tanduk Kerbau : Mewakili dua objektif jabatan iaitu :

i) Untuk menjamin (melindungi) kekukuhan status kesihatan ternakan di Sabah.

ii) Untuk memajukan dan mengembangkan pengeluaran ternakan dengan penglibatan dan penyertaan dari pekebun kecil bagi keperluan negeri Sabah dan untuk dieksport.

Warna Biru : Mewakili Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak.

Warna Putih : Menggambarkan kebersihan bumi negeri Sabah mengenai dengan taraf kesihatan yang bebas dari penyakit ternakan yang utama.

Latarbelakang Warna Hijau : Mewakili kawasan kehijauan dalam negeri iaitu padang ragut dan makanan untuk ternakan.

Pada keseluruhannya logo ini melambangkan Motto Jabatan iaitu :-

“ KE ARAH PENGELUARAN DAN KESIHATAN TERNAKAN YANG LEBIH BAIK”

Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak

VISI Industri ternakan yang komersil, bersepadu dan mantap untuk mengeluarkan makanan yang berkualiti bagi mencapai tahap saradiri yang berkekalan dan eksport.

MISI Memberikan perkhidmatan veterinar dan pengurusan ternakan yang profesional sebagai pemangkin kepada industri ternakan yang mantap bagi membekal makanan daripada hasil ternakan yang bermutu dan selamat.

Profail Jabatan

MENGENAI JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN DAN PERUSAHAAN TERNAK

Sebelum tahun 1976, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Sabah wujud sebagai sebuah Bahagian di bawah Jabatan Pertanian Sabah. Bahagian tersebut dinamakan Bahagian Perusahaan Ternak yang diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Pertanian. Tugas utama Bahagian tersebut adalah Pencegahan Jangkitan Penyakit dan Rawatan Ternakan. Pada 1 Januari 1976, Jabatan ini telah ditauliahkan menjadi sebuah Jabatan tersendiri dan diketuai oleh seorang Pengarah di mana aktivitinya bertambah kepada pengeluaran baka-baka ternakan untuk melibatkan para pekebun kecil.

Jabatan ini adalah salah satu daripada empat (4) buah Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Pertanian dan Industri Pemakanan.

OBJEKTIF DAN STRATEGI

Objektif dan strategi Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Sabah ialah seperti berikut:

Objektif

- Mencegah, mengawal dan membasmi penyakit-penyakit haiwan dan zoonotik.
- Menentukan bahan-bahan haiwan untuk makanan manusia suci, bersih dan sesuai untuk dimakan.
- Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri haiwan yang mantap.
- Menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan industri makanan haiwan.
- Menentukan kebajikan dan kesejahteraan semua haiwan sentiasa terpelihara.

Strategi

- Meninggikan daya pengeluaran ternakan dengan menggunakan sistem pengurusan, pembiakan dan pemakanan ternakan yang menggunakan teknologi moden yang sesuai.
- Menggalakkan penyertaan penternak-penternak kecil di dalam rancangan penternakan secara program tersusun seperti program tenusu, lembu pedaging, ternakan kerbau, kambing/bebiri dan rusa.
- Menambah dan membekalkan ternakan-ternakan yang bermutu melalui pembiakan dan pengimportan baka ternakan yang bermutu tinggi.
- Menggunakan sumber bekalan makanan ternakan yang bermutu tinggi melalui pembangunan dan penggunaan padang ragut, tanaman rumput/foder persendirian

dan penggunaan sisa-sisa pertanian serta integrasi di antara tanaman dengan ternakan.

- Menyampaikan perkhidmatan kesihatan veterinar yang cekap dan memuaskan ke arah peningkatan taraf penternakan dan pertumbuhan industri ternakan.

- Menyampaikan perkhidmatan kesihatan awam veterinar supaya makanan yang dihasilkan daripada ternakan dapat disampaikan dalam keadaan selamat dan berkualiti.

- Menjalankan kegiatan-kegiatan penyelidikan dan pembangunan ke arah meningkatkan pengeluaran dan kesihatan ternakan.

- Menambah kemudahan-kemudahan latihan dan pengembangan serta khidmat nasihat susulan untuk menentukan kejayaan rancangan-rancangan penternakan melalui peningkatan kemahiran dan pengetahuan.

- Menambah kemudahan infrastruktur Jabatan supaya dapat memberi perkhidmatan di kawasan luar bandar dengan lebih mudah dan meluas.

- Mewujudkan kepakaran dalam bidang kawalan pencemaran dari aktiviti penternakan.

- Memastikan penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan bidang veterinary berjalan dengan baik.

FUNGSI

Menurut perintah dalam Ordinan Haiwan 1962 JPHPT Sabah telah dipertanggungjawabkan untuk mengendali fungsi-fungsi seperti berikut:

- Pengeluaran ternakan, hasil ternakan dan makanan ternakan.

- Pengawalan, pencegahan dan penghapusan penyakit haiwan, kuarantin dan penyelidikan.

- Pengandaan latihan bagi industri ternakan.

- Pengawalan import dan eksport ternakan dan hasil ternakan.

- Pemeriksaan daging, susu, telur dan pengawalan tempat penyembelihan.

- Pengembangan pengeluaran dan kesihatan ternakan.

Maklumat Jabatan & Direktori

Tuan Hj. Awang Sahak Hj. Pengiran Salleh
Pengarah JPHPT Sabah
Tel: 088-287401
e-mail: AgSahak.AgSalleh@sabah.gov.my

En. Petrus L. Yong
Timbalan Pengarah (Pengeluaran dan Penyelidikan)
Tel: 088-287409
e-mail: Petrus.Yong@sabah.gov.my

Dr. Yeo Boon Kiat
Timbalan Pengarah (Perancangan & Pembangunan Sumber Manusia)
Tel: 088287403
e-mail: BoonKiat.Yeo@sabah.gov.my

Dr. Nasip Eli
Timbalan Pengarah (Kesihatan Veterinar & Pembangunan Daerah)
Tel: 088-287411
e-mail: Nasip.Eli@sabah.gov.my

Dr. Amat Kasim
Penolong Pengarah (Kesihatan Awam Veterinar)
Tel: 088-235297
e-mail: Amat.Kasim@sabah.gov.my

Ir. Harun Abas
Penolong Pengarah (Pembangunan Penternakan & Industri Ternakan Ruminan)
Tel: 088-287430
e-mail: Harun.Abas@sabah.gov.my

Dr. Punimin Abdullah
Penolong Pengarah (Pembangunan Sumber Genetik)
Tel: 088-287407
e-mail: Punimin.Abdullah@sabah.gov.my

En. Khong Kwai Weng
Penolong Pengarah (Pembangunan Industri Unggas & Khinzir)
Tel: 088-287417
e-mail: KwaiWeng.Khong@sabah.gov.my

En. Samto Sulah
Penolong Pengarah (Pembangunan Industri Tenusu dan Rusa)
Tel: 088-287405
e-mail: Samto.Sulah@sabah.gov.my

En. Drahim Hj. Saban
Penolong Pengarah (Pentadbiran & Pengurusan)
Tel: 088-287413
e-mail: Drahim.Saban@sabah.gov.my

Dr. Normah Yusop
Penolong Pengarah (Makmal Diagnosa)
Tel: 088-261263/261264
e-mail: Normah.Yusop@sabah.gov.my

En. En. Jerome L. Daim
Pegawai Veterinar (Tender/Padang Ragut)
Tel: 088-216242
e-mail: Jerome.Lucas@sabah.gov.my

En. Kennedy Juani
Penolong Pegawai Veterinar (Perancangan/ Pameran/Statistik/Unit IT)
Tel: 088-287426
e-mail: Kennedy.Juani@sabah.gov.my

En. Abdullah Mohd. Salleh
Penolong Pegawai Veterinar
Tel: 088-223375
e-mail: Abdullah.Salleh@sabah.gov.my

En. Steven Gusi
Pegawai Penyelidik (Pegawai Penguasa Pusat Pengurusan Veterinar)
Tel: 088-782613
e-mail: Steven.Gusi@sabah.gov.my

En.Arkin Haji Garai
Pegawai Penyelidik (Pegawai Penguasa Kilang Makanan Lok Kawi)
Tel: 088-754372
e-mail: Arkin.Garai@sabah.gov.my

Dr. Abd. Halim Mechor
Pegawai Veterinar (Pusat Bioteknologi)
Tel: 087-341442
e-mail: Mechor.Juinis@sabah.gov.my

Encik Alias Ahmat
Pegawai Penyelidik (Pegawai Pengauasa Unit Kuarantin Dan kesihatan Veterinar Awam)
Tel: 088-232499
e-mail: Alias.Ahmat@sabah.gov.my

Penguasa Pusat Pengumpulan Susu

Encik Fred Among Engkat
(PPS Penampang)
Tel: 088-717172
e-mail: FredAmong.Engkat@sabah.gov.my

Encik Zainal Terimoh
(PPS Tuaran)
Tel: 088-792262
e-mail: Zainal.Terimoh@sabah.gov.my

Encik Amit Nuat
(PPS Beaufort)
Tel: 087-211081
e-mail: Amit.Nuat@sabah.gov.my

Encik Merin Madrin
(PPS Bongawan)
Tel: 087-861190
e-mail: Merin.Madrin@sabah.gov.my

Encik Engal Manjani
(PPS Keningau)
Tel: 087-331453
e-mail: Engal.Manjani@sabah.gov.my

Encik Binodor Guako
(PPS Tenom)
Tel: 087-733315
e-mail: Binodor.Guako@sabah.gov.my

Encik Majid Manap
(PPS Kota Marudu)
Tel: 088-662930
e-mail: Majid.Manap@sabah.gov.my

Encik Augustine Mansah
(PPS Tawau)
Tel: 089-713482
e-mail: Augustine.Mansah@sabah.gov.my

Ladang Pembiakan Ternakan Ruminan Besar Jabatan

Jabatan ini melaksanakan pembangunan pengeluaran ternakan melalui ladang-ladang pembiakan ternakan yang berfungsi untuk menghasilkan baka ternakan yang bermutu tinggi untuk dijual kepada para penternak. Penyelidikan makanan ternakan dan Pusat Bioteknologi Sabah juga memberi khidmat sokongan kepada para penternak yang menjalankan kegiatan pengeluaran ternakan di Sabah

Encik Alexius Jalani
(SPT Sebrang, Keningau)
Tel: 087-331546
e-mail: Alexius.Jalani@sabah.gov.my

Encik Eduardo Magbanua
(SPT Batu 16, Tawau)
Tel: 089-918791
e-mail: Eduardo.Magbanua@sabah.gov.my

Dr. Zaidun Bin Mohd. Noor
(PPT Wario I, Kota Belud)
Tel: 088-969686
e-mail: Zaidun.MohdNoor@sabah.gov.my

Encik Johny Engkias
(PPT Timbang Menggaris, K.Belud)
Tel: 088-931259
e-mail: Johny.Engkias@sabah.gov.my

Encik Hunus Ayub
(HRC Kalumpang, Semporna)
Tel: 089-915420
e-mail: Hunus.Ayub@sabah.gov.my

Encik Jenius Gubal
(PPT Entilibon, Telupid)
Tel: 0195323274
Jenius.Gubal@sabah.gov.my

Encik Jafred E. Tudok
(Projek Kerbau, Telupid)
Tel: 0138975975
e-mail: Jafred.Tudok@sabah.gov.my

Ladang Pembiakan Ternakan Ruminan Kecil Jabatan

Encik Vincent Baya
(SPK, Bongawan)
Tel: 087-861539
e-mail: Vincent.Baya@sabah.gov.my

Encik Kamiring Goludin
(SPB, Ranau)
Tel: 088-875404
e-mail: Kamiring.Goludin@sabah.gov.my

Encik Gabriel Gambar
(SPK Pulutan, Tambunan)
Tel: 0198419348
e-mail: Gabriel.Gambar@sabah.gov.my

Encik Roy Roger Bigullah
(SPK, Lahad Datu)
Tel: 0195883169
e-mail: Roy.RogerBigullah@sabah.gov.my

Ladang Pembiakan Ternakan Bukan Ruminan Jabatan

CIK JABIDAH JACOB YONG
(PPUA, Bantayan Tuaran)
Tel: 088-782428
e-mail: Jabidah.JacobYong@sabah.gov.my

Pejabat-Pejabat Daerah Veterinar

Bagi memberi layanan perkhidmatan yang mantap kepada kumpulan sasaran ternak di negeri ini, Jabatan telah mendirikan pejabat beserta klinik di sebahagian besar daerah dan daerah kecil seluruh Sabah. Pejabat-pejabat ini berfungsi untuk memberi khidmat nasihat urusan-urusan klinik veterinar serta khidmat nasihat pengurusan penternakan. Bagi menghubungi pegawai-pegawai Jabatan

Encik Masran Hj. Mahinuddin
(JPHPT Banggi)
Tel:
e-mail: Masran.Mahinuddin@sabah.gov.my

Dr. Robert Paulis
(JPHPT Beaufort)
Tel: 087-225612
e-mail: Robert.Paulis@sabah.gov.my

Encik Unsa Jawah
(JPHPT Beluran)
Tel: 089-511209
e-mail: Unsa.Jawah@sabah.gov.my

Haji Ashan Kasmin @ Hassan
(JPHPT Bongawan)
Tel: 087-861190
e-mail: Ashan.Kasmin@sabah.gov.my

Dr. Mechor Juinis
(JPHPT Keningau)
Tel: 087-332539
e-mail: Mechor.Juinis@sabah.gov.my

Dr. Mary J. Golingai
(JPHPT Kepayan)
Tel: 088-251233
e-mail: Mary.Golingai@sabah.gov.my

Encik Pindin Aton
(JPHPT Kinabatangan)
Tel: 089-561131
e-mail: Pindin.Aton@sabah.gov.my

Encik Hanjan Samit
(JPHPT Kota Belud)
Tel: 088-976768
e-mail: Hanjan.Samit@sabah.gov.my

Encik Jobit Sulangi
(JPHPT Kota Marudu)
Tel: 088-662930
e-mail: Jobit.Sulangi@sabah.gov.my

Encik Daniel Juim
(JPHPT Kuala Penyu)
Tel: 087-884348
e-mail: Daniel.Juim@sabah.gov.my

Dr. Suhaili Lusin
(JPHPT Kudat)
Tel: 088-620202
e-mail: Suhaili.Lusin@sabah.gov.my

Dr. Jamaun Angkap
(JPHPT Lahad Datu)
Tel: 089-881641
e-mail: Jamaun.Angkap@sabah.gov.my

Encik Safari Stari
(JPHPT Matunggong)
Tel: 088-
e-mail: Safari.Stari@sabah.gov.my

Haji Ashan @ Hassan Kasmin
(JPHPT Membakut)
Tel: 087-887544
e-mail: Ahsan.Kasmin@sabah.gov.my

Encik Ahlun Kanak
(JPHPT Menumbok)
Tel: 087-831171
e-mail: Ahlun.Kanak@sabah.gov.my

Encik Yulip Empin @ Godfrey
(JPHPT Nabawan)
Tel: 087-366213
e-mail: Yulip.Empin@sabah.gov.my

Encik Pungut Abd. Rashid
(JPHPT Papar)
Tel: 088-913544
e-mail: Pungut.AbdRashid@sabah.gov.my

Dr. Maria E. Kissey
(JPHPT Penampang)
Tel: 088-713494
e-mail: Maria.Kissey@sabah.gov.my

Encik Zainuddin Misuari
(JPHPT Pitas)
Tel: 088-621026
e-mail: Zainuddin.Misuari2sabah.gov.my

Dr. Joseph Palalun
(JPHPT Ranau)
Tel: 088-875340
e-mail: Joseph.Palalun@sabah.gov.my

Dr. Peter A.K. Lee
(JPHPT Sandakan)
Tel: 089-213912
e-mail: Peter.Lee@sabah.gov.my

Encik Abu Bakar Gani
(JPHPT Sipitang)
Tel: 087-821418
e-mail: AbuBakar.Gani@sabah.gov.my

Dr. Douglas Kabul @ Mohd Azid Kabul
(JPHPT Tawau)
Tel: 089-713482
e-mail: Doughlas.Kabul@sabah.gov.my

Dr. Samuil Mopun
(JPHPT Tenom)
Tel:087-735650
e-mail: Samuel.Mopun@sabah.gov.my

Datu Muhamad Datu Parael
(JPHPT Kunak)
Tel: 089-851236
e-mail: Mohamad.Pareal@sabah.gov.my

Encik Abdul Kadir Umar
(JPHPT Semporna)
Tel: 089-781073
e-mail: AbdKadir.Umar@sabah.gov.my

Encik Marius Gapang
(JPHPT Tambunan)
Tel: 087-774322
e-mail: Marius.Gapang@sabah.gov.my

Encik Pedilis Salleh
(JPHPT Telupid)
Tel: 089-521740
e-mail: Pedilis.Salleh@sabah.gov.my

Encik Ahmad Sidik
(JPHPT Tuaran)
Tel: 088-788376
e-mail: Ahmad.Sidik@sabah.gov.my

Encik Jurin Seboy
Stesen Kuarantin Kinarut
Tel: 088-752348
e-mail: Jurin.Seboy@sabah.gov.my

STRUKTUR JPHPT



KAWASAN PENGELUARAN UTAMA



JANGAN BIAR IA HANYA IMPIAN SAHAJA

Di JPHPT kami mempunyai impian,
tetapi dalam perjuangan demi
mempertahankan standard.
Kami menampilkan pengurusan yang
professional dan berdinamik
dengan perancangan rapi membolehkan
kami terus kekal sebagai peneraju dalam
industri ini dan akan terus berkembang
sebagai suatu organisasi yang terkemuka.



STATUS INDUSTRI

Industri ternakan di Negeri Sabah telah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pengeluaran pertanian dan seterusnya kepada ekonomi negeri dan negara. Pada tahun 2004, populasi ternakan di negeri ini adalah seperti dalam jadual 1. Sub-sektor bukan ruminan masih lagi mengungguli sub-sektor ruminan.

Jadual 1. Anggaran Populasi Ternakan

Spesis	Bilangan (ekor)
Lembu pedaging	50,110
Lembu penusu	7,958
Kerbau	44,889
Kambing	28,229
Bebiri	1,840
Babi spp*	80,685
Unggas, ayam pedaging spp*	2,939,180
Unggas, ayam penelur spp*	1,402,574
Unggas, itik pedaging spp*	36,000
Unggas, itik penelur spp*	18,755

Berpandukan kepada populasi ternakan dan penyembelihan sepanjang tahun yang sama, nilai hasil ternakan adalah dianggarkan berjumlah RM559.31 juta (jadual 2.)

Jadual 2. Anggaran Hasil Ternakan 2004

Jenis hasil ternakan	Pengeluaran	Purata harga runcit (RM)	Nilai (juta RM)
Daging kerbau (m.t)	329.27	15	4,939,005.00
Daging lembu tempatan (m.t)	770.73	15	11,560,995.00
Daging khinzir (m.t)	8,593.36	15	128,900,400
Daging ayam (m.t)	43,563.09	6.5	283,160,092.80
Daging itik (m.t)	910.04	12	10,920,499.20
Telur ayam (juta biji)	469.71	0.25	117,428,621.25
Telur itik (juta biji)	4.48	0.65	2,913,378.00
Susu segar (juta liter)	6.0	1.5	9,000,000.00
Jumlah			**568,822,991.25**

Nilai hasil ternakan tersebut telah meningkat kepada kadar 14.82% berbanding dengan tahun 2003. Prestasi industri ternakan pada tahun ini cukup memberangsangkan walaupun pelbagai kemelut turut mempengaruhi semua aktiviti yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Carta 1 menunjukkan perbandingan nilai pengeluaran hasil ternakan negeri ini. Peratusan ini dijangka akan terus meningkat seiring dengan pemulihan ekonomi negara sepenuhnya pada tahun-tahun yang akan datang dan pertumbuhan dijangka sederhana menjelang abad ke-21 kerana pertambahan penduduk akan meningkatkan permintaan dan kenaikan harga oleh peningkatan kuasa membeli.

Carta 1.Nilai Pengeluaran Hasil Ternakan Negeri Sabah 1996 - 2004



Carta 2. Pebandingan Pelbagai Jenis Hasil Ternakan Negeri Sabah – 2004



Sumber protein berdasarkan daging di dalam negeri telah dipenuhi melalui bekalan daging segar tempatan dan import. Negeri Sabah telah lama mencatat pengeluaran ayam dan babi pada tahap saradiri. Pada tahun ini, negeri ini telah mengeksport ternakan hidup dan hasil ternakan ayam/itik dan babi yang berjumlah lebih kurang RM 13.45 juta ke Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak, Selangor Darul Ehsan dan Negara Brunei Darussalam. Walaupun masih pada tahap pembangunan, sektor tenusu telah mula menunjukkan potensinya dalam industri ternakan di negeri Sabah. Pada tahun ini Sabah telah mengeksport hasil tenusunya dalam bentuk susu segar dan susu pasteur ke Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak dan Brunei Darussalam yang berjumlah 2,375.98 metrik tan dengan nilai sebanyak RM5.22 juta.

Industri ternakan di negeri ini akan terus tertekan dengan pesatnya pembangunan perindustrian dan terhimpit oleh perbandaran. Kawasan penternakan semakin sempit dan tidak sesuai untuk pemeliharaan secara ekstensif dan lepas bebas.

Bagi memenuhi permintaan yang tinggi, sistem pengeluaran ternakan akan berubah dari bentuk tradisional kepada lebih bercorak intensif, komersial dan berteknologi tinggi.

Penggunaan tanah akan dimaksimumkan dengan mempelbagaikan dan mengintegrasikan perusahaan ternakan dengan pertanian. Sementara lebihan penggunaan tempatan bagi sektor ayam dan babi telah dieksport, keperluan bekalan tempatan bagi daging lembu/kerbau pula terpaksa dipenuhi dengan mengimport dari luar negara.

Industri ternakan juga akan berkembang dari yang berbentuk perladangan dan pengeluaran hasil kepada industri pemprosesan dan hiliran. Infrastruktur dan polisi perindustrian yang menggalakkan boleh mendorong para usahawan mencebur diri dalam bidang perindustrian berasaskan hasilan ternakan. Ruangan pasaran yang berkembang dan permintaan yang tinggi kepada hasilan ternakan akan mendorong perkembangan industri ini.

PRESTASI INDUSTRI TERNAKAN

Kadar kelahiran yang lambat dan penyembelihan yang tinggi merupakan faktor penghambat kepada pertambahan bilangan ternakan dalam usaha mengeluarkan anak lembu/kerbau jantan untuk digemukkan, justeru itu menyumbang kepada pengeluaran daging tempatan di tahap rendah dan kemampuan memenuhi permintaan pasaran tempatan masih belum tercapai. Untuk itu, keperluan daging lembu dan

kerbau telah dipenuhi melalui bekalan import dari Australia, India dan juga New Zealand.

Dalam usaha membangunkan industri ruminan, jabatan telah mengambil pendekatan secara proaktif di mana kawasan-kawasan yang sesuai dijadikan kawasan menternak diberi keutamaan dengan menyalurkan bantuan teknikal dan kepakaran. Sistem penternakan secara integrasi telah mula menunjukkan pencapaian yang positif di mana penternak di kawasan perladangan mendapat manfaat yang maksimum melalui kaedah ini.

Walaubagaimanapun, sumbangan pengeluaran daging tempatan ke atas keperluan hanya sebanyak 1% iaitu 1,100 metrik tan yang bernilai RM16.50 juta pada tahun 2004. Bekalan daging dingin dan beku merupakan alternatif untuk menampung permintaan daging setempat, sektor perhotelan dan perniagaan makanan harian.

Ayam/Itik

Pengeluaran daging ayam tahun 2004 dianggarkan sebanyak 43,563.19 tan metrik dan peratusan sumbangan kepada pengeluaran hasilan ternakan negeri Sabah adalah sebanyak 39%. Pengeluaran daging ayam ini adalah dari 108 buah ladang yang kebanyakkannya terdapat di sebelah pantai barat dan pantai timur negeri Sabah yang mana arah alirannya adalah menuju kepada penternakan komersial yang lebih tersusun dan moden. 8 buah daripada ladang-ladang ini mempunyai populasi semasa melebihi 50,000 ekor .

Pengeluaran daging ayam di negeri Sabah bukan sahaja mampu menampung permintaan tempatan malah negeri Sabah telah mengeksport pengeluarannya ke Brunei, Selangor, Sarawak dan W.P. Labuan.

Pada tempoh yang sama pengeluaran daging itik dianggarkan sebanyak 910.04 tan metrik yang bernilai RM10.92 juta. Terdapat 17 buah ladang itik di negeri Sabah dan kebanyakkannya berada di daerah Sandakan dan Tawau.

Pada tahun 2004 pengeluaran telur ayam ialah sebanyak 469.71 juta biji dengan nilai sebanyak RM117.43 juta yang dihasilkan oleh 28 buah ladang di mana kebanyakkannya terletak di pantai barat Sabah.

Di samping itu, pengeluaran telur itik negeri Sabah ialah sebanyak 4.48 juta biji di mana kebanyakkan telur itik telah dijadikan telur masin bagi menampung keperluan pasaran tempatan. Nilai yang dijana oleh industri ini adalah sebanyak RM2.91 juta. Pengeluaran telur itik telah disumbangkan oleh 13 buah ladang itik yang terdapat pantai barat dan daerah Sandakan.

Babi

Sebanyak 90 buah ladang babi di negeri Sabah dengan populasi semasa sebanyak 80,685 ekor. Penternakan babi menyumbang sebanyak 28% ke atas hasil pengeluaran ternakan dalam negeri ini. Sebanyak 8,593.36 tan metrik dengan anggaran nilai berjumlah RM128. juta telah dicatit pada tahun ini. Penghasilan daging babi akan dimajukan ke tahap komersial terutamanya untuk memenuhi permintaan setempat. Bagi mengelakkan masalah pencemaran dan sosial, pendekatan pembangunan akan diubahsuai ke arah pembentukkan satu kawasan penternakan babi berpusat dan bersifat mesra alam. Proses hiliran untuk bahan-bahan nilaian akan digalakkan serta penekanan keatas kualiti dan keselamatan makanan.

Kambing dan Bebiri

Permintaan ke atas daging kambing di negeri Sabah dipenuhi dengan bekalan daging bebiri yang diimport. Namun demikian, pengeluaran kambing akan diperluas dan penternakan kecil-kecilan dinaiktaraf ke tahap komersial melalui penternakan bersepadu dengan aktiviti ternakan yang sedia ada.

Lembu Tenusu

Walaupun kawasan ragutan semakin berkurangan, penternakan lembu tenusu dijangka akan terus berkembang sehingga ke dekad yang akan datang kerana ternakan ini boleh diternak secara lebih intensif. Pulangan yang baik akan terus mengekalkan minat para pengusaha untuk giat di dalam bidang ini.

Sebanyak 5,882,705.9 liter susu telah dihasilkan pada tahun ini, di mana 4,537,042.71 liter susu telah disumbangkan oleh penternak, 259,821 liter oleh dua ladang kepunyaan jabatan dan selebihnya yang berjumlah 858,862.50 liter dihasilkan oleh Desa Cattle Sdn. Bhd. Keluaran susu mentah dan susu pasteur negeri setakat ini belum mencukupi untuk menampung permintaan yang tinggi. Ruang pasaran yang ditawarkan menjanjikan perkembangan industri ini di masa hadapan.

Jadual 3. Pengeluaran Hasil Susu Mentah Negeri Sabah 2004

Ladang	Hasil susu (liter)	Jualan susu (liter)
Stesen Pembiakan Ternakan Sebrang, Keningau	109,022.90	51,564.80
Stesen Pembiakan Ternakan Batu 16, Tawau	122,971	77,018.50
Desa Cattle Sdn. Bhd.	647,137.40	647,137.40
Projek Lembu Tenusu	5,052,562	4,651,151.89
Jumlah Keseluruhan	**5,931,693.3**	**5,426,872.59**

Rusa

Perladangan rusa sebenarnya berpotensi besar sebagai pengeluar daging eksotik (venison) yang bernilai tinggi, disamping itu tanduk payau (velvet), dan kulit juga boleh diproses untuk dijadikan hasil sampingan serta perladangan rusa sesuai dijadikan kawasan pelancongan yang berkonsepkan pertanian (agrotourism). Terdapat berbagai jenis rusa yang boleh diternak secara komersial dan besar-besaran. Keupayaannya untuk dipersatukan dalam agro-pelancongan juga akan diperluaskan.

Burung Unta

Sebagai satu lagi alternatif sumber protein haiwan yang eksotik, penternakan burung unta kini semakin popular. Burung unta untuk daging boleh disembelihkan pada umur 10 – 12 bulan. Pada ketika itu setiap seekor mampu menghasilkan daging sebanyak 35 – 40 kg, kulit seluas 4 meter persegi dan lebih kurang 1.5 kg bulu. Namun, industri kecil yang baru ini dijangka berkembang sekadar membekalkan induk baka, sehinggalah ke dekad yang akan datang memandangkan kos penternakan yang mahal dan stok asas yang belum mencukupi. Burung unta boleh juga dipelihara untuk tujuan pelancongan dan rekreasi.

Pemprosesan dan Industri Hiliran

Aktiviti pemprosesan hasilan ternakan dan hiliran boleh diterokai, kerana terdapat ruang pasaran yang sedia ada dan permintaan produk ternakan yang tinggi. Pemprosesan hasilan daripada ternakan seperti daging lembu/kerbau, ayam/itik, babi dan hasil-hasilan sampingannya mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan. Bahan-bahan mentah boleh diimport atau menggunakan bahan sampingan yang diperolehi dari sumber tempatan.

KEWANGAN DAN PERKHIDMATAN

Prestasi Kewangan

Secara keseluruhannya, jabatan telah menerima peruntukan sebanyak RM 45,318,559.96 dari sumber persekutuan dan negeri untuk mengurus dan pembangunan bagi tahun 2004 (jadual 4,5,6).

Dalam tempoh perbelanjawan tahun 2004, sebanyak RM17,305,990.90 telah dibelanjakan untuk menampung perbelanjaan pembangunan iaitu sebanyak 96.94% dan manakala 89.80% telah dibelanjakan untuk mengurus yang berjumlah sebanyak RM24,662,839.54.

Jadual 4. Prestasi Kewangan Jabatan (Peruntukan Negeri) 2004

Butiran Vot	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Dirancang	Perbelanjaan Sebenar	% Perbelanjaan
Pusat Pembanyakan Ternakan	489,000.00	489,000.00	485,422.00	99.27%
Pusat Penyelidikan Penyakit Ternakan	210,000.00	210,000.00	197,296.00	93.95%
Stesen Kuarantin	240,000.00	240,000.00	221,062.00	92.11%
Stesen Pembiakan Ternakan Sebrang	450,000.00	450,000.00	447,309.00	99.40%
Stesen Pembiakan Ternakan Tawau	317,000.00	317,000.00	303,381.00	95.70%
Kereta-Kereta & Perahu-Perahu	10	10	0	0.00%
Pembiakan Padang Ragut	250,000.00	250,000.00	237,903.00	95.16%
Bangunan-Bangunan	10	10	0	0.00%
Projek Pembangunan Ayam/Itik	139,000.00	139,000.00	135,752.00	97.66%
Projek Ternakan Pekebun Kecil	502,000.00	502,000.00	491,185.00	97.85%
Pusat Penyelidikan Ternakan	85,000.00	85,000.00	81,192.60	95.52%
Projek Lembu Tenusu	2,182,000.00	2,592,000.00	2,477,708.91	95.59%
Pusat Pembiakan Kambing	229,000.00	229,000.00	225,048.92	98.27%
Projek Pembangunan Itik	256,000.00	256,000.00	248,277.07	96.98%
Projek Kerbau Telupid	137,000.00	137,000.00	128,110.91	93.51%
Projek Kemajuan Payau	320,000.00	320,000.00	297,658.60	93.02%
Pusat Latihan Menternak	267,000.00	267,000.00	259,396.18	97.15%
Projek Pembangunan Ekonomi & Epidemiologi Veterinary	110,000.00	110,000.00	108,306.83	98.46%
Skim Bantuan Kerbau	300,970.00	300,970.00	291,999.59	97.02%
Skim Pawah Kambing	329,000.00	329,000.00	312,679.67	95.04%
Pengeluaran Makanan Ternakan	378,000.00	378,000.00	374,937.32	99.19%
Pusat Menternak Lembu Dara	130,000.00	130,000.00	123,147.37	94.73%
Kemudahan Perkhidmatan Pengembangan Ternakan	120,000.00	120,000.00	117,473.97	97.89%
Projek Pembangunan Arnab	9,000.00	9,000.00	8,783.04	97.59%
Pusat Bioteknologi	185,000.00	185,000.00	179,100.00	96.81%
Pusat Pembiakan Ayam Kampung	90,000.00	90,000.00	88,546.00	98.38%
Rumah Penyembelihan & Kesihatan Awam Veterinar	190,000.00	190,000.00	179,761.00	94.61%
Projek Pembangunan Teknologi Maklumat	85,000.00	85,000.00	80,593.00	94.82%
Skim Intensif Pembelian Ternakan	10.00	-	-	-
Rumah Penyembelihan & Kesihatan Awam Veterinar	190,000.00	190,000.00	179,791.00	94.63%
Jumlah Keseluruhan	**8,190,000.00**	**8,599,990.00**	**8,281,821.98**	**96.30%**

Peruntukan dipindah bagi Projek Lembu Tenusu sebanyak RM410,000.00

Jadual 5. Prestasi Kewangan Jabatan (Peruntukan Persekutuan) 2004

Butiran Vot	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Dirancang	Perbelanjaan Sebenar	% Perbelanjaan
Pusat Penyelidikan & Pembiakan Kerbau	100,000.00	100,000.00	95,479.00	95.48%
Projek Rumah Penyembelihan & Kesihatan Awam	4,000,000.00	4,000,000.00	3,851,910.00	96.30%
Projek Lembu Pedaging	4,000,000.00	4,000,000.00	3,955,135.00	98.88%
Epidemiologi Veterinar	353,000.00	353,000.00	352,134.66	99.75%
Projek Kawasan Penternakan Babi	100,000.00	100,000.00	93,121.86	93.12%
Projek Pengeluaran Rusa	300,000.00	300,000.00	278,140.40	92.71%
Pembangunan Teknologi Maklumat Veterinar	300,000.00	300,000.00	298,379.00	99.46%
Pembangunan Tanah Untuk DPN3	10	10	0	0.00%
Projek Itik	99,900.00	99,900.00	99,869.00	99.97%
Projek Lembu Tenusu	10	10	0	0.00%
Jumlah Keseluruhan	**9,252,920.00**	**9,252,920.00**	**9,024,168.92**	**97.53%**

Jadual 6. Prestasi Kewangan Jabatan 2004

Butiran Vot	Peruntukan Asal	Perbelanjaan Dirancang	Perbelanjaan Sebenar	% Perbelanjaan
Telefon & Fax	90,000.00	145,000.00	136,966.00	94.46%
Pengangkutan & Perjalanan	200,000.00	270,000.00	258920	95.90%
Bayaran Air	30,000.00	30,000.00	7,255.00	24.18%
Pengendalian & Penyelenggaraan Unit Arnab	9,000.00	9,000.00	8,882.00	98.69%
Pengendalian & Penyelenggaraan Pusat Pembiakan Kambing Bongawan	10	10	0	0.00%
Pengendalian & Penyelenggaraan Kuarantin Kandang Anjing	10,000.00	10,000.00	9,745.00	97.45%
Pengendalian & Penyelenggaraan Rancangan Pendaftaran Suntikan Kerbau	10,000.00	10,000.00	9,971.00	99.71%
Pengendalian & Penyelenggaraan Unit Burung Puyuh	6,000.00	6,000.00	5,492.00	91.53%
Pengendalian & Penyelenggaraan Unit Angsa	6,000.00	6,000.00	5,570.00	92.83%
Pengendalian & Penyelenggaraan Unit Pemeriksaan Daging	20,000.00	20,000.00	17,595.00	87.98%
Pengendalian & Penyelenggaraan Unit Audio Visual	9,000.00	9,000.00	8,031.00	89.23%
Pengendalian & Penyelenggaraan Perpustakaan	10,000.00	10,000.00	7,914.00	79.14%
Pameran & Pertunjukan	20,000.00	20,000.00	19,617.00	98.09%
Banci Ternakan	15,000.00	15,000.00	14,573.00	97.15%
Pembelian Susu Penternak	5,500,000.00	6,700,000.00	6,374,690.00	95.14%
Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	57,600.00	7,600.00	7,017.00	92.33%
Penyewaan Mesin & Kelengkapan Pejabat	36,000.00	36,000.00	16,940.00	47.06%
Perkhidmatan Pembersihan Rumah Sembelih	180,000.00	150,000.00	148,110.00	98.74%
Penyenggaraan Komputer	30,000.00	30,000.00	27,250.00	90.83%
Perkakas, Mesin Taip & Kelengkapan Pejabat	10,000.00	10,000.00	7,859.00	78.59%
Pembelian & Penggantian Enjin Dalam/Sangkut, Jongkong & Perahu	30,000.00	30,000.00	25,500.00	85.00%
Pembelian & Penggantian Alat Hawa Dingin & Peti Sejuk	10,000.00	10,000.00	5,600.00	56.00%
Bantuan Musim Kemarau & Banjir, Mengantirugi Penyembelihan Yang Diwajibkan Di Dalam Menghadapi Penyakit Berjangkit	10.00	10.00	0.00	0.00%
Pembelian & Penggantian Mesin Potong Rumput	10,000.00	10,000.00	9,180.00	91.80%
Pengendalian & Penyelenggaraan Stesen	100,000.00	330,000.00	325,113.00	98.52%
Pengendalian & Penyelenggaraan Perahu Lancar Jabatan	10,000.00	10,000.00	9,723.00	97.23%
Pengendalian & Penyelenggaraan Kilang Makanan Ternakan	45,000.00	45,000.00	38,289.00	85.09%
Pengendalian & Penyelenggaraan Unit Pembiakan Ayam Itik	8,000.00	8,000.00	7,769.00	97.11%
Pengendalian & Penyelenggaraan Unit Pembiakan Khinzir	10	10	0	0.00%
Pencetakan & Alat Tulis	50,000.00	50,000.00	46,602.00	93.20%
Kelengkapan & Barang-Barang	20,000.00	20,000.00	18,176.00	90.88%
Perbelanjaan Pentadbiran	32,010.00	72,010.00	70,440.00	97.82%
Pelajaran Haiwan	80,000.00	80,000.00	78,953.00	98.69%
Ubat-Ubat & Perkakas-Perkakas	400,000.00	400,000.00	384,883.00	96.22%
Elektrik	140,000.00	175,000.00	162,785.00	93.02%
Bahan-Bahan Makanan	600,000.00	600,000.00	594,957.00	99.16%
Elaun Kilometer	10	10	0	0.00%
Buruh	1,600,000.00	1,450,000.00	1,371,662.00	94.60%
Penyelnggaraan Bangunan Sementara	150,000.00	300,000.00	296,632.00	98.88%
Pengendalian & Penyelenggaraan Loji, Kenderaan & Perkakas	350,000.00	550,000.00	529,099.00	96.20%
Gaji-Gaji	15,832,000.00	15,831,999.96	13,595,079.54	85.87%
Jumlah Keseluruhan	**25,715,650.00**	**27,465,649.96**	**24,662,839.54**	**89.80%**

PERJAWATAN

Sebanyak 41 kategori gred jawatan dalam senarai Anggaran Perjawatan yang diperuntukan kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah. Dalam proses penggredan perjawatan di bawah SSM Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah, beberapa jawatan telah diluluskan mengikut Waran Perjawatan Bil. 35 Tahun 2004 seperti berikut:-

Jadual 7. Perjawatan Mengikut Gred 2004

Jawatan	Gred	Tetap	Sementara	Jumlah Jawatan
Pengarah	G/Q54	1		**1**
Pegawai Veterinar	G52	1		**1**
Pegawai Penyelidik	Q48	2		**2**
Pegawai Veterinar	G48	2		**2**
Pegawai Veterinar	G44	4		**4**
Pegawai Tadbir	N44	1		**1**
Pegawai Penyelidik	Q41	12		**12**
Pegawai Veterinar	G41	19		**19**
Akauntan	W41	1		**1**
Penolong Pegawai Veterinar	G32	5		**5**
Penolong Pegawai Veterinar	G27	29	4	**33**
Penolong Pegawai Tadbir	N27	1		**1**
Penolong Akauntan	W27	1		**1**
Penolong Pegawai Perpustakaan	S27	1		**1**
Pembantu Veterinar	G22	12	1	**13**
Pembantu Tadbir	N22	4		**4**
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N22	1		**1**
Pembantu Veterinar	G17	112	3	**115**
Pembantu Tadbir	N17	73	1	**74**
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17	1		**1**
Penerbitan	N17	1		**1**
Pembantu Makmal	C17	1		**1**
Pembantu Veterinar Rendah (Jumud)	G14	4		**4**
Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N14	1		**1**
Pembantu Tadbir Rendah (Operator Telefon)	N11	1		**1**
Penyelenggara Stor Rendah (Jumud)	N11	13		**13**
Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	6		**6**
Pembantu Veterinar Rendah	G11	64		**64**
Pembantu Makmal Rendah (Jumud)	C11	4		**4**
Pelukis Pelan Rendah (Jumud)	J11	2		**2**
Attendan Haiwan	G01	4		**4**
Pembantu Am Rendah	N01	131		**131**
Kelasi/Jurumudi	A01	11		**11**
Tukang K2 (Mekanik)	R22	3		**3**
Tukang K2 (Jurugegas)	R22	2		**2**
Tukang K2 (Mekanik)	R11	34		**34**
Tukang K2 (Elektrik)	R11	2		**2**
Tukang K2 (Tukang Kimpal)	R11	2		**2**
Tukang K3 (Kayu)	R09	6		**6**
Tukang Pam	R03	1		**1**
Pemandu Kenderaan Bermotor	R03	83		**83**
Pekerja Rendah Awam	R01	106		**106**
Jaga	R01	8		**8**
Pengawal Keselamatan	KP10	1		**1**
	JUMLAH	**774**	**9**	**783**

Jabatan ini telah mendapat kelulusan dalam penggredan semula di bawah Sistem Saraan Malaysia beberapa jawatan dalam Waran Perjawatan Bil. 35 Tahun 2005 seperti berikut:-

Pegawai Veterinar Gred G52	1 jawatan (Mansuh 1 jawatan Pegawai Veterinar Gred G48)
Pegawai Veterinar Gred G44	4 jawatan (Mansuh 1 jawatan Pegawai Veterinar Gred G41)
Pegawai Tadbir Gred N44	1 jawatan (Mansuh 1 jawatan Pegawai Tadbir Gred N41)
Pembantu Am Rendah Gred N4	10 jawatan (Mansuh 10 jawatan Pembantu Am Rendah Gred N01)

MEMANGKU DAN KENAIKAN PANGKAT

Pihak Jabatan juga telah memberi peluang untuk beberapa pegawai Jabatan memangku ke jawatan yang lebih tinggi daripada jawatan hakiki masing-masing berdasarkan kelayakan berikut:-

Jadual 8. Memangku

Bil.	Nama Pegawai	Nama Jawatan Yang Dipangku/Gred	Tarikh mula Memangku	Ruj.Surat/Tarikh
1.	Anthony Danggoh @ Danggok	Pegawai Veterinar G41	01.06.2003 hingga 31.05.2004 dan 01.06.2004 hingga 11.04.2005	SPANS:P.006305 Vol.11/15 26.12.2003 SPANS:P.006305 Vol.II/30 08.07.2004
2.	Zainuddin bin Misuari	Penolong Pegawai Veterinar G27	20.06.2003 hingga 19.06.2004	SPANS:P.011429/163 29.01.2004
3.	Vincent bin Baya	Pembantu Veterinar G17	01.01.2004 hingga 31.12.2004	SPANS:P.001633/183 16.01.2004
4.	Abdul Rahman bin Mohd Salleh	Pembantu Veterinar G22	01.11.2003 hingga 31.10.2004	SPANS:P.03844/111 16.01.2004
5.	Zainuddin bin Abdullah	Pembantu Veterinar G17	01.10.2003 hingga 30.09.2006	SPANS:P.017908/112 19.02.2004
6.	Ashan @ Hassan bin Kasmin	Pembantu Veterinar G22	11.11.2003 hingga 31.10.2004	SPANS:P.002088/103 03.03.2004
7.	Chin Mei Fuen @ Mimi	Pembantu Tadbir (P/O) N22	19.08.2003 hingga 18.08.2004	JPAN:(S)800-2/8079/(17) 15.09.2003
8.	Ng Sou Siung @ David	Pembantu Veterinar G22	01.11.2003 hingga 31.10.2004	SPANS:P.017268/66 31.10.2004
9.	Jubidin bin Erak	Pembantu Veterinar G22	26.12.2003 hingga 25.12.2004 dan 26.12.2004 hingga 25.12.2005	SPANS:P.014798/61 24.04.2004 SPANS:P.014798/68 10.05.2005
10.	Maurice Samuel Vitalis	Penolong Akauntan W27	01.08.2003 hingga 31.07.2004 dan	SPANS:P.003141/197 24.04.2003

			01.08.2004 hingga 31.07.2005	SPANS:P.003141/212 19.08.2004
11.	A. Rashid bin Mohd. Salleh	Pembantu Veterinar G22	01.06.2003 hingga 31.05.2004	SPANS:P.011517/150 15.06.2004
12.	Kennedy Juani	Penolong Pegawai Veterinar G32	01.11.2003 hingga 31.10.2004	SPANS:P.025315/96 29.01.2004
13.	Ahamat @ Ahmad bin Sidik	Penolong Pegawai Veterinar G27	02.01.2003 hingga 01.01.2004 dan 02.01.2004 hingga 01.01.2005	SPANS:P.001634/120 12.11.2003 SPANS:P.001634/130 14.10.2004
14.	Yap Fook Fong	Pembantu Veterinar G17	01.05.2004 hingga 30.04.2005	SPANS:P.014048/88 05.07.2004
15.	Kundahal Gabriel Gambar	Pembantu Veterinar G22	02.01.2003 hingga 01.01.2005	SPANS:P.001622/148 10.05.2005
16.	Ir. Samto Sulah	Pegawai Penyelidik Q48	19.10.2004 hingga 18.10.2005	SPANS:P.017736/77 18.10.2005
17.	Dr. Amat bin Kassim	Pegawai Veterinar G48	06.06.2003 hingga 05.06.2004	SPANS:P.016301/108 08.09.2003
18.	Ir. Harun bin Abas	Pegawai Penyelidik Q48	15.04.2003 hingga 14.04.2004	SPANS:P.016492 Vol.II/51 08.09.2004
19.	Jerome @ Heirony Lucas Daim	Pegawai Veterinar G41	01.06.2003 hingga 31.05.2004	SPANS:P.04105 Vol.II/35 31.05.2004

Naik Pangkat

Beberapa lantikan kenaikan pangkat beberapa orang pegawai dan kakitangan diperolehi mengikut kategori seperti berikut:-

Jadual 9. Kenaikan Pangkat

Bil.	Nama Pegawai	Nama Jawatan/Gred	Tarikh Kenaikan Pangkat	Rujukan Surat dan Tarikh
1	Dr. Amat Kassim	Pegawai Veterinar G2/G48	01.11.2004	SPANS:P.016301/137 28.05.2004
2	Ir. Harun Hj.Abas	Pegawai Penyelidik Q2/Q48	01.11.2003	SPANS:P.016492Vol.II/(68) 25.03.2004
3	Engal @ Enggal bin Manjani	Pembantu Veterinar G7	03.06.2002	SPANS:P.01667/112 14.07.2004
4.	Chin Mei Fuen @ Mimi	Pembantu Tadbir (P/O) N22	01.11.2003	SPANS:KP.1/N22(N7)Vol. 4/644 27.09.2004

Pertukaran

Beberapa pertukaran juga yang melibatkan beberapa kategori jawatan. Pertukaran dibuat adalah untuk menampung keperluan dan desakan perkhidmatan di ladang-ladang/daerah-daerah yang terlibat dan juga pengganti kepada mereka yang meninggalkan perkhidmatan atas bersara.

KUALITI

Dalam memberi perkhidmatan yang terbaik untuk pelanggan kami percaya produk yang berdaya saing untuk eksport tiada pengganti bagi kualiti. Kami akan terus berusaha meningkatkan pestasi demi kepentingan pelanggan kami.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
Latihan dan Kursus

